

04 DEC 2001

TIMBALAN PERDANA MENTERI BRITAIN LAWAT KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Britain John Prescott akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Kuala Lumpur mulai Khamis ini yang merupakan sebahagian daripada lawatannya ke lima buah negara.

Beliau dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincangkan isu-isu dua hala serta peperangan antarabangsa terhadap keganasan, demikian menurut satu kenyataan Suruhanjaya Tinggi Britain di sini hari ini.

Prescott yang merupakan Setiausaha Negara bagi Alam Sekitar hingga Jun lepas dan terus mewakili Perdana Menteri Tony Blair dalam perbincangan antarabangsa mengenai perubahan cuaca, juga akan menemui Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding.

Mereka akan membincangkan isu-isu alam sekitar dengan memberi tumpuan kepada perubahan cuaca dan persediaan untuk Persidangan Dunia mengenai Pembangunan Mapan yang akan berlangsung di Johannesburg pada September tahun depan.

"Ia merupakan peluang penting bagi memperkukuhkan dialog peringkat atasan antara kedua-dua negara," kata Persuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn dalam kenyataan itu.

Sebelum lawatan ke Malaysia, Prescott melawat Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia. Beliau akan berlepas ke Vietnam selepas Malaysia.

-- BERNAMA  
AZZ AZZ LAT